

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK THEODORE DOUGLAS LIND

TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab Kementerian atau pihak berkuasa KLIA tidak mengambil tindakan untuk mengeluarkan dua buah kapal terbang jenis Boeing 747 yang terbengkalai di lapangan terbang KLIA melebihi 5 tahun.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai isu kapal terbang yang tersadai di KLIA, sukacita dimaklumkan bahawa isu ini hampir selesai menerusi keputusan Mahkamah pada 1 Julai 2019.
2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak MAHB dan Kerajaan telah menghadapi beberapa masalah dalam menentukan tuan punya yang sebenar ketiga-tiga pesawat yang diparkir sejak tahun 2014. Pangkalan data Boeing pada ketika itu telah menunjukkan, ketiga-tiga pesawat itu mempunyai tanda pendaftaran TF-ARN, TF-ARH dan TF-ARM iaitu tanda yang digunakan oleh syarikat pajakan yang bernama Air Atlanta Icelandic. Apabila dihubungi syarikat itu memaklumkan semua pesawat berkenaan sudah dijual pada tahun 2008. Siasatan MAHB menunjukkan bahawa ketiga-tiga pesawat telah bertukar milik beberapa kali. Selepas gagal menghubungi tuan punya yang sebenar, pihak MAHB telah mengeluarkan iklan dalam surat khabar The Star dan Sin Chew Daily pada 7 Disember 2015 meminta tuan punya sebenar tampil diri menuntut ketiga-tiga pesawat tersebut.
3. Ada pihak yang datang menuntut tetapi pihak MAHB dan Kerajaan mendapati ada keraguan dalam dokumen-dokumen yang dikemukakan dan tidak dapat memastikan samada pihak yang menuntut itu tuan yang sebenarnya. Oleh yang demikian MAHB memutuskan adalah wajar perkara ini diselesaikan secara undang-undang untuk mengelak dari sebarang masalah tuntutan pihak lain.
4. Hasil daripada proses penghakiman mahkamah bertarikh 1 Julai 2019, mahkamah tersebut telah memutuskan bahawa syarikat Splunk n Dash Sdn Bhd adalah pemilik yang sebenar dan syarikat ini diarahkan untuk mengeluarkan kapal terbang tersebut dari KLIA sebelum 1 September 2019. Urusan dan usaha-usaha untuk mengeluarkan kapal terbang tersebut sedang dijalankan oleh Splunk n Dash Sdn Bhd dan pastinya pihak MAHB membuat kordinasi dan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti pengeluaran bangkai pesawat tersebut. Sekiranya

NO. SOALAN: 8

pesawat tersebut tidak dikeluarkan sebelum 1 September 2019, mahkamah memutuskan bahawa MAHB diberi kuasa untuk melakukan apa sahaja terhadap pesawat-pesawat tersebut termasuk melupuskan ketiga-tiga pesawat tersebut.

Sekian, terima kasih.